



APPROACH OF PHILANTHROPY DAKWAH IN BUILDING COMMUNITY WELL-BEING

PENDEKATAN FILANTROPI DAKWAH DALAM MEMBANGUN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

ABDUL GHAFAR DON (PROF. MADYA DR.) (Corresponding author)

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-mail: a.g.don@ukm.edu.my

ANUAR PUTEH

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-mail: anteh@ukm.edu.my

RAZALEIGH MUHAMAT@KAWANGIT (PROF.MADYA DR.)

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-mail: raza@ukm.edu.my

BADLIHISHAM MOHD.NASIR (PROF. DR.)

Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai, 81300 Johor Bahru, Johor. E-mail: badli@utm.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 7 JUN 2020: REVISED – 5 AUGUST 2020: ACCEPTED – 14 SEPTEMBER 2020)

ABSTRACT

Dakwah is a call and activity to charity work to build the well-being of the community. The dimension of prosperity that is the purpose and plan of dakwah includes well-being and happiness in this world and the hereafter. Through dakwah activities, programs, and approaches, the welfare plan can be considered the implementation of philanthropy concept.

Thus, dakwah and philanthropy are interrelated or relevant. The process of expansion and development of dakwah is seen to be more effective if the philanthropic approach is implemented systematically and continuously to mad'u (target of dakwah). This article attempts to analyze how a philanthropic approach can be a useful dakwah model for society. Literature related to the subject of study and discussion is referred to build a theoretical foundation related to philanthropy's concept and approach in dakwah. Based on the literature highlighted, several philanthropic methods can be implemented in the context of dakwah for society's well-being, namely: Charitable work (caring for the poor, needy, homeless, orphans), social services, zakat, alms, infaq and visiting.

Keywords: philanthropy; dakwah; welfare; zakat; waqf

ABSTRAK

Dakwah adalah seruan dan aktiviti kepada kerja-kerja kebajikan bagi tujuan membina kesejahteraan hidup masyarakat. Dimensi kesejahteraan yang menjadi tujuan dan agenda dakwah meliputi kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Agenda kebajikan melalui aktiviti, program dan pendekatan dakwah bolehlah dianggap sebagai pelaksanaan konsep filantropi. Justeru, dakwah dan filantropi adalah saling berkaitan atau relevan. Proses pengembangan dan pembangunan dakwah dilihat akan lebih berkesan sekiranya pendekatan filantropi dilaksanakan secara sistematik dan berterusan kepada *mad'u* (sasaran dakwah). Artikel ini cuba menganalisis bagaimana pendekatan filantropi boleh menjadi model dakwah berkesan terhadap masyarakat. Literatur berkaitan subjek kajian dan perbincangan dirujuk bagi membina landasan teori berkaitan konsep dan pendekatan filantropi dalam dakwah. Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan, terdapat beberapa pendekatan filantropi yang boleh dilaksanakan konteks dakwah untuk kesejahteraan masyarakat, iaitu: Kerja-kerja kebajikan (menyantuni fakir, miskin, gelandangan, anak yatim), khidmat sosial, zakat, sedekah, infaq dan ziarah.

Kata Kunci: filantropi; dakwah; kesejahteraan; zakat; wakaf

PENGENALAN

Kesejahteraan adalah menjadi matlamat kehidupan setiap manusia yang normal. Namun, takdir dan nasib setiap manusia adalah tidak sama. Ada yang hidup bahagia dan sejahteraan lantaran mempunyai rezeki yang cukup untuk terus hidup. Sementara sebahagian yang lain mengalami nasib yang berbeza dan hidup dalam serba kedaifan. Adalah menjadi matlamat dakwah membawa manusia keluar daripada hidup yang melarat

dan jahil kepada mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup. Matlamat membina kesejahteraan hidup manusia ini adalah selaras dengan makna Islam itu sendiri yang memberi kontasi kepada selamat, sejahtera dan aman. Sehubungan dengan itu, antara kaedah dakwah bagi mencapai objektif kesejahteraan tersebut ialah melalui kaedah atau pendekatan filantropi yang asasnya telah digariskan dalam al-Qur'an dan secara praktikalnya dilaksanakan Rasulullah s.a.w.

KONSEP FILANTROPHY

Perkataan Filantrophy (Philantrophy: English) berasal daripada perkataan Greek *philos* yang bermaksud cinta atau rasa sayang dan *Anthropos* yang bermakna manusia atau orang. Pengertian philantrophy dalam Bahasa Inggeris dinyatakan sebagai "Love for mankind, usually as shown by money given to, or work done for, other people". (Berkasih sayang terhadap manusia, biasanya ditunjukkan dengan wang yang diberi, atau kerja yang dilakukan untuk orang lain).

Samiul Hasan (2007:91) memetik pandangan Gladstone mengenai Philantrophy sebagai "The feeling which makes men who are materially comfortable, mentally uncomfortable so long as their neighbours are materially uncomfortable".(Perasaan yang membuatkan seseorang yang secara materialnya selesa, tetapi secara mentalnya tidak selesa selagi mana jiran mereka tidak selesa secara materialnya).

Payton (1988) menjelaskan philantrophy meliputi aspek-aspek voluntary giving (pemberian sukarela), voluntary service (perkhidmatan sukarela) dan voluntary organization (organisasi sukarela). Payton merumuskan Filantrophy sebagai 'Memberi dan berkhidmat, kerja sukarela untuk kebaikan orang ramai (Giving and serving , voluntary action for the public good).

Secara teknikalnya Filantrophy boleh ditakrifkan sebagai "Kasih sayang terhadap sesama insan (Norajila et.al 2014). Melalui rasa kasih sayang ini, maka seseorang akan memberi bantuan dan pertolongan kepada yang memerlukan sama ada bentuk kebendaan atau bukan kebendaan demi kebaikan atau faedah kepada sesama insan.

Siti Fatimah Abd Rahman (t.th) mengemukakan tiga ciri utama Filantrophy: Pertama, prihatin terhadap kesejahteraan pihak lain (termasuklah kesejahteraan lain-lain makhluk seperti binatang dan alam sekitar). Kedua, cakna terhadap orang yang berada dalam situasi tertekan, dan ketiga bantuan secara sukarela tanpa mengharap apa-apa balasan.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa filantropi melibatkan dua aspek iaitu aspek perasaan dan kemanusiaan dan aspek material. Perasaan dan jiwa kasih sayang dan rahmat sesama manusia akan mendorong seseorang

mengorbankan hartanya dan apa sahaja bentuk bantuan material bagi membantu sesama insan yang berada dalam kesusahan dan memerlukan dan juga terhadap lain-lain makhluk.

PRINSIP FILANTROPHY ISLAM

Philanthropy dalam Al-Muhit Oxford Dictionary (2003:799) dinyatakan sebagai '*khayr*', *ihsan*, *birr*. Ketiga-tiga istilah tersebut merujuk kepada makna kebajikan, berlaku ihsan dan kebaikan. Orang yang melaksanakan amalan philanthropy disebut Philanthropist – *muhsin*, *khayyir* (dalam Bahasa Arab). Kegiatan dan sifat berkaitan Philanthropy dinyatakan sebagai Philantopic – *khayriyy*, *ihsaniyy*, *insaniyy*. *Muta'lliq bihubbil basyar wa takhfif alamahum/ iaitu hal yang berkaitan dengan kasih sayang terhadap sesama insan dan meringankan penderitaan mereka)*

Islam sebagai mesej sejagat dan berifat *rahmatan lil alamin* telah memberi perhatian kepada usaha dakwah philanthropy bagi meningkatkan kualiti hidup seterusnya membina kesejahteraan hidup manusia. Dalil-dalil berhubung philanthropy dakwah dizahirkan dalam bentuk infaq, sedekah dan kerja-kerja kemanusiaan dan kebajikan sepertimana disebut dalam Surah al-Baqarah ayat 270, 271, 272, 273 & 274 (persoalan infaq), Surah al-Ma'idah, ayat 2 (suruhan bantu membantu dalam perkara kebaikan/kebajikan) dan ayat 48 (Berlumba-lumba melakukan kebajikan dan amal soleh) dan lain-lain.

Secara lebih khusus atau prinsip philanthropy yang digariskan al-Qur'an adalah meliputi aspek-aspek berikut:

1. Amalan bersedekah. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 270 yang bermaksud:

"Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan".

2. Melakukan infaq, Surah al-Baqarah, ayat 274

"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan di siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati".

3. Perintah dan galakan bantu membantu dalam soal kebajikan atau kebaikan. Firman Allah dalam Surah al-Ma'idah, ayat 2 yang bermaksud:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”

4. Gesaan berlumba-lumba melakukan kebajikan, Surah al-Ma'idah, ayat 48 yang bermaksud:

“Berlumba-lumbalah berbuat kebajikan”

5. Memberi perhatian atau cakna terhadap anak yatim dan orang miskin lagi memerlukan serta larangan meminggirkan mereka sebagaimana termaktub dalam Surah al-Dhuha dan al-Ma'un:

“Sebab itu, terhadap anak yatim janganlah kamu berlaku sewenang-wenang, dan terhadap orang yang minta-minta, janganlah kamu mengherdiknya”.(Surah al-Dhuha:9-10)

Sehubungan dengan itu orang yang mengherdik anak yatim dan tidak peduli kepada orang miskin dilabel pendusta agama:

“Tahukah kamu orang yang mendustai agama?” (Surah al-Ma'un 107: 1)

“Itulah orang yang mengherdik anak yatim” (Surah Al-Ma'un 107:2)

“dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin” (Al-Ma'un 107:3)

Filantrophy dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu filantrophy yang bersifat wajib dan filantrophy secara sukarela atau pilihan (obligatory and voluntary/optional). Filantrophy wajib adalah melalui kewajipan zakat bagi yang berkemampuan dan mempunyai lebih harta. Manakala filantrophy sukarela atau atas pilihan sendiri adalah seperti sedekah dan wakaf yang boleh memberi manfaat kepada orang lain. Hasan Bahrom (2013) menyatakan istilah-istilah tertentu yang disebutkan al-Qur'an sebagai isyarat kepada prinsip dan tabiat filantrophy iaitu infaq, sedekah, derma, pengorbanan, jihad, kasih sayang, takaful (jamin menjamin), kehendak dan ta'awun (tolong menolong).

Filantrophy menurut sudut pandang Islam berdasarkan pembahagian filantrophy wajib dan sukarela boleh dilaksanakan melalui medium yang bersifat makro atau berskala besar melalui zakat dan wakaf:

1. Zakat

Islam melihat kekayaan dari perspektif yang berbeza daripada Barat. Setiap Muslim digalakkan memaksimakan kekayaan berdasarkan prinsip syariah (Norajila Binti Che Man et.al (2014). Kekayaan yang dimiliki tidak sepatutnya berlegar dalam kalangan golongan kaya sahaja, di mana kekayaan tersebut perlu dikongsi oleh semua orang

yang fakir, miskin lagi memerlukan (Surah al-Hasyr 59:7). Oleh itu, Islam menetapkan zakat sebagai filantrophy wajib yang perlu diimplementasi bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia dengan menetapkan asnaf secara khusus seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Tawbah, ayat 60. Pelaksanaan zakat sebagai amalan filantrophy boleh memupuk sifat murni iaitu pemurah, simpati, kasih sayang dan hubungan harmoni sesama insan.

2. Wakaf

Wakaf atau dalam Bahasa Arab *Waqf* adalah institusi kebajikan yang telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah. Wakaf boleh dikategorikan sebagai filantrophy sukarela dalam Islam. Menurut pandangan Wahbah al-Zuhayli (2005:2923) wakaf iaitu menahan harta yang kekal zatnya yang boleh digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan sebagai usaha taqarrub kepada Allah SWT, harta yang diwakafkan diserahkan kepada pihak tertentu dan mereka tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut secara sewenang-wenangnya.

Asas kepada wakaf sebagai amalan filantrophy sukarela telah dinyatakan al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Firman Allah berhubung prinsip atau asas kepada wakaf ialah:

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan dan kebaktian yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya” (Al-Qur’an, Surah Ali ‘Imran 3:92)

Hadith-hadith Rasulullah juga menyebutkan tentang asas kepada amalan wakaf dalam hadith-hadith berikut:

“Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya itu dan berilah pada jalan Allah akan hasil buahnya (hasilnya)”(Al-Shafi'i 2001, 3:274.)

“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.” (Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyyah Bab Ma Yalhaq al-Insan Min al-Thawab ba'da Wafatih, No. Hadith 1631)

Imam al-Nawawi (1972:85) berpendapat bahawa hadith di atas merupakan dalil sahnya amalan berwakaf serta pahalanya yang besar. Makna daripada sadaqah jariah ialah wakaf. Jumhur ulama juga telah mentafsirkan perkataan 'sadaqah jariah' dalam

hadith yang tersebut di atas itu dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Sekalipun ia adalah amalan bersifat optional atau pilihan, namun demikian impak dan peranan wakaf amat signifikan dalam konteks pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan ummah. Farahdina dan Nursiah (2004) berpendapat amalan mewakafkan harta benda jauh lebih utama dan jauh lebih besar pahalanya daripada bersedekah (infaq) biasa, kerana sifatnya kekal dan manfaatnya lebih besar. Pahalanya terus mengalir kepada pewakaf meskipun ia telah meninggal dunia wakaf telah dilaksanakan dengan jayanya di zaman Rasulullah SAW. Para sahabat baginda telah berlumba-lumba dan komited dengan institusi wakaf. Saidina Uthman bin `Affan misalnya telah mewakafkan telaga *al-raumah* yang menjadi sumber bekalan air utama untuk umat Islam ketika itu. Air merupakan kemudahan asas yang diperlukan untuk kehidupan ijtima'iyah di Madinah. Saidina Umar pula telah mewakaf tanahnya yang bernilai tinggi di Khaibar (Siddiqi 1996:149).

Amalan filantrophy melalui wakaf pada zaman kemudiannya terus berkembang di mana wakaf telah diimplementasi bagi tujuan pendidikan, agama dan manfaat yang lain. Penubuhan Universiti Cordova di Sepanyol pada zaman khalifah Abdul Rahman III dan Universiti Granada di masa pemerintahan Sultan Yusuf, Penubuhan Bayt al-Hikmah di zaman khalifah Harun al-Rasyid pada era kerajaan Abbasiyah yang telah melahirkan tokoh-tokoh intelektual Islam terkemuka seperti Jabir al Hayyan, Al Khwarizmi, al-Kindi dan lain-lain (Don, 2013), wakaf Universiti Al-Azhar misalnya membolehkannya menawarkan pendidikan percuma kepada semua golongan masyarakat sama ada miskin mahupun kaya. (Akmaliza Abdullah, 2013) menjadi bukti bagaimana wakaf berperanan besar dan penting sebagai katalis pembangunan ummah.

Selain zakat dan wakaf, filantrophy dalam bentuk mikro boleh dilaksanakan melalui amalan sedekah atau derma, hadiah dan amalan-amalan kebajikan lain termasuk dalam bentuk bukan material seperti kerja-kerja gotong royong dan apa sahaja bentuk kerjasama yang boleh menyokong kesejahteraan hidup masyarakat dan memupuk kasih sayang antara sesama insan.

IMPLEMENTASI DAKWAH FILANTROPI

Gagasan konsep dakwah berasaskan kegiatan atau agenda Filantropi telah dinyatakan dalam al-Qur'an di peringkat Mekah (ayat-ayat Makkiah) lagi. Meskipun mode ayat-ayat al-

Qur'an di period Mekah kelihatan menekankan aspek-aspek akidah dalam dakwah, namun dakwah di period awal ini juga memberi perhatian terhadap soal-soal kebajikan sosial dan kemanusiaan. Dakwah Rasulullah di peringkat Mekah misalnya memperlihatkan keprihatinan terhadap golongan da'if seperti anak yatim dan orang-orang yang susah lagi memerlukan. Allah memerintahkan Rasulullah dakwah dakwahnya supaya menyantuni golongan ini dan tidak bersikap kasar terhadap mereka. Ayat 9 dan 10 Surah al-Dhuha misalnya menyeru dakwah filantropi dengan membawa anak-anak yatim dan orang susah. Firman Allah tentang hal tersebut:

"Maka terhadap anak yatim jangan engkau berlaku sewenang-wenang" (Al-Qur'an, Surah al-Dhuha, 93:9)

"Dan terhadap orang yang meminta-minta janganlah engkau mengherdiknya" (Al-Qur'an, Surah al-Dhuha, 93:10)

Sehubungan dengan semangat filantropi ini, al-Qur'an juga melaknat orang-orang yang bersikap kasar terhadap anak-anak yatim dan tidak cakna terhadap orang-orang miskin. Sikap tercela ini dikritik al-Qur'an:

"Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Maka itulah orang yang mengherdik anak yatim. Dan tidak mendorong memberi makan orang miskin" (Al-Qur'an, Surah al-Ma'un, 107:1-3)

Ibnu Abbas mentafsirkan maksud orang yang mendustai agama ialah orang yang mendustai hukum atau perintah agama. Termasuk dalam mendustai hukum agama ialah menafikan hak anak-anak yatim dan menyakiti mereka. Justeru, al-Qur'an melabelkan golongan yang mengabaikan dan tidak prihatin kepada anak yatim dan orang-orang miskin sebagai pendusta agama.

Pelaksanaan agenda filantropi dakwah masakini telah dan sedang dilakukan pelbagai agensi sama ada institusi agama kerajaan ataupun NGO. Pelbagai pendekatan di ambil. Dakwah street misalnya dilaksanakan di bandar-bandar dengan menyantuni fakir dan miskin (gelandangan) sama ada Muslim mahupun Non-Muslim. Dakwah di luar bandar dan pedalaman pula, termasuklah di kawasan belantara kepada masyarakat asal (etnik pedalaman Sabah, Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung). Aktiviti dakwah yang dilaksanakan dalam konteks filantropi ini ialah menyantuni golongan fakir, miskin dan memerlukan dengan menyediakan keperluan asas kehidupan seperti makanan dan pakaian. Dakwah melalui pendekatan sebegini boleh menyentuh hati para du'afa'(tiada upaya sara hidup seperti fakir, miskin dan memerlukan).

Bagaimanapun, dakwah tidak seharusnya sekadar memberi makan. Usaha-usaha tarbiyah dan *islah* (penambahbaikan dan peningkatan kualiti diri), terutamanya gelandangan Muslim perlu diusahakan supaya jiwa mereka tidak kosong. Manusia yang dibantu dengan memberi makan semata-mata tanpa tarbiyah dan *islah* tidak mempunyai harga diri. Sehubungan dengan itu, mereka perlu disuntik dengan nilai kemuliaan diri agar tidak selama-lamanya berharap kepada bantuan orang lain tanpa ada apa-apa usaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Justeru, usaha tarbiyah dan *islah* ini boleh dan perlu dilaksanakan oleh institusi yang menguruskan zakat seperti Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan lain-lain. Program *islah* sedia ada yang dilaksanakan di Selangor misalnya oleh LZS dengan memilih masjid tertentu perlu diperluaskan ke setiap daerah dan mukim supaya pembangunan masyarakat yang seimbang dan sejahtera dari segi jasmani dan rohani dapat direalisasikan.

Rasulullah s.a.w telah memberi perhatian terhadap usaha dakwah dan *islah* dalam memantapkan akidah masyarakat yang didakwah. Pengutusan Mu'az bin Jabal ke Yaman dengan misi dakwah misalnya menggambarkan beberapa pesanan berguna Rasulullah kepada Mu'az agar berdakwah dan mentarbiyah masyarakat di Yaman agar memahami asas-asas ajaran Islam sebagaimana berikut:

“Muaz Radiyallahhu an hu telah menceritakan kisah dan apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w kepadanya, kata Muaz: Nabi s.a.w telah mengutusku ke Yaman dan Nabi s.a.w. telah bersabda: Wahai Muaz! sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab , maka serulah mereka kepada penyaksian (syahadah) bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah (utusan Allah), sekiranya mereka boleh menerima dan mentaati mu pada perkara itu, maka ajarkan lah mereka tentang kefarduan solat lima waktu sehari semalam yang telah diperintahkan oleh Allah , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu pada perkara itu , maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan zakat yang mana harta dari golongan yang kaya di antara mereka diagihkan kepada golongan yang miskin di kalangan mereka , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu , maka waspadalah dirimu terhadap kemuliaan harta mereka ,takutlah dirimu akan doa orang yang dizalimi kerana sesungguhnya tiada hijab di antara doa mereka dan Allah s.w.t. (Sohih Al Bukhari ,Kitab Tauhid, bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah, no hadis 7372,ms 4/378, Sohih Muslim, kitab Al Iman, bab dakwah kepada dua syahadah dan syariat Islam, no hadis: 29, ms 1/50).

Pesanan dakwah Nabi kepada Mu'az tersebut, mengandung kedua-dua unsur, iaitu aspek filantrophy dakwah melalui kewajipan orang berada membantu golongan miskin atau susah dan juga aspek islah iaitu membetulkan akidah dan menjauhi perbuatan zalim. Wasiat dakwah baginda yang dilaksanakan Mu'az sewajarnya menjadi pedoman berguna kepada generasi dakwah masakini khususnya melalui institusi zakat. Garis panduan hadith Rasulullah tersebut adalah jelas untuk dijadikan motivasi kepada pihak berotoriti zakat dalam merangka model atau modul bagi melahirkan golongan asnaf yang bukan sahaja menerima tarbiyah Islam yang sempurna tetapi juga mampu keluar daripada kemompong penerima zakat. Kerjasama membangunkan modul tarbiyah dan islah boleh dilaksanakan dengan memanfaatkan kepakaran para ilmuan khususnya di Institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

Selain daripada usaha islah dan tarbiyah, Kaedah mengubah hidup golongan melarat melalui pendekatan filantopi berasaskan latihan juga perlu diberi perhatian semua pihak khususnya pihak berkuasa agama. Asas program program dan agenda latihan golongan melarat ini telah disediakan model oleh baginda Rasulullah. Hadith berikut boleh menjadi asas dan panduan program latihan golongan ini:

"Pada zaman Rasulullah SAW, semasa Baginda sedang berkumpul dengan para sahabat, datang seorang pengemis meminta-minta. Melihat kehadiran pengemis itu, Rasulullah lantas bertanya, "Apakah kamu mempunyai sesuatu di rumahmu?" Pengemis itu menjawab, "Tentu, saya mempunyai pakaian yang biasa dipakai sehari-hari dan sebuah cangkir." Rasulullah SAW lalu meminta pengemis itu mengambil barang-barang tersebut dan serahkan kepada Baginda. Pengemis itu terus bergegas pulang ke rumah dan kembali dengan membawa cangkir. Rasulullah SAW mengambil cangkir itu dan menawarkannya kepada para sahabat yang ada. "Adakah di antara kalian yang ingin membeli ini?" Salah seorang sahabat sanggup membeli cangkir itu dengan harga dua dirham. Rasulullah kemudian memberikan dua dirham yang dibayar oleh sahabat itu kepada si pengemis. Rasul berpesan kepada si pengemis itu agar menggunakan wang itu untuk membeli makanan buat keluarganya, dan baki digunakan untuk membeli kapak. "(Dengan kapak itu) Carilah kayu yang banyak dan juallah. Selama dua minggu ini aku tidak ingin melihatmu," sabda Rasulullah SAW.

Dua minggu kemudian, pengemis itu datang lagi menghadap Rasulullah SAW. Kali ini tidak untuk mengemis, tetapi dengan membawa wang 10 dirham hasil dari jualan kayu. Rasulullah SAW kemudian menyuruhnya untuk membeli pakaian dan makanan untuk keluarganya dengan wang itu. Rasulullah bersabda,

“Hal ini lebih baik bagi kamu, kerana meminta-meminta hanya akan membuat noda di wajahmu di akhirat nanti. Tidak layak bagi seseorang meminta-minta kecuali dalam tiga hal, fakir miskin yang benar-benar tidak mempunyai sesuatu, hutang yang tidak terbayar, dan penyakit yang membuat seseorang tidak boleh berusaha.”

Kisah ini menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW membantu pengemis atau gelandangan yang masih mempunyai keupayaan dan sihat, dengan menunjukkan cara bagaimana orang itu boleh berusaha dan hidup berdikari, bukan dengan memberikan wang atau makanan percuma semata-mata. Rasulullah SAW telah lama memberikan panduan kepada kita dalam menangani masalah pengemis dan gelandangan ini melalui pendekatan filantrophy jangka panjang.

Berdasarkan pengamalan atau implementasi Rasulullah, jelas baginda melaksanakan dua pendekatan. Pertama cakna masalah sosial masyarakat dengan membantu golongan memerlukan melalui filantropi dakwah secara jangka pendek melalui bantuan one-off. Kedua inisiatif islah, tarbiyah dan program latihan untuk jangka masa panjang dalam mengangkat harga diri manusia dan mengubah cara hidup mereka kepada yang lebih baik tanpa terlalu mengharapkan bantuan orang ramai.

Sehubungan dengan itu, teladan yang dilaksanakan Rasulullah tersebut boleh dijadikan pedoman dan asas dalam konteks dakwah masa kini. Selain menyantuni golongan susah sama ada dalam konteks masyarakat urban, mahupun masyarakat di luar bandar, program-program islah melalui bimbingan kuliah dan bimbingan agama, latihan keusahawan, projek pertanian dan penternakan dan seumpamanya hendaklah dirangka dan dilaksanakan dengan sistematik dan bersepadu melibatkan pelbagai agensi.

KESIMPULAN

Dakwah melalui pendekatan atau agenda filantropi adalah medium berkesan dalam konteks mensejahterakan masyarakat. Program-program cakna atau prihatin terhadap golongan memerlukan (anak yatim, fakir miskin) melalui bantuan one-off secara jangka pendek adalah sebahagian daripada usaha dan medium mewujudkan kesejahteraan masyarakat. Namun, dalam masa yang sama, pendekatan berasaskan jangka masa panjang melalui usaha islah, tarbiyah dan latihan secara sistematik juga perlu dilaksanakan yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara sepadu meliputi aspek kerohanian, mental, emosi dan fizikal. Sejahtera dalam dua dimensi, dunia dan akhirat. Secara amnya, dakwah secara filantrophy bolehlah dikategorikan sebagai sebahagian daripada bentuk dakwah bi al-hal. Ia sekaligus menampilkan Islam sebagai agama rahmat, berasaskan keadilan dan kasih

sayang sesama insan. Sekiranya pendekatan filantrophy dilaksanakan secara berterusan, terancang dan bersepadu ia mampu memberi impak besar bukan sahaja dalam aspek menyantuni masyarakat yang memerlukan, tetapi juga memberi impak kepada perkembangan dakwah Islamiyah.

(Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membiayai Projek Penyelidikan PP-2019-015)

RUJUKAN

- Akmaliza Abdullah, K. A. (2013). Waqf and Education in the Ottoman Egypt. In N. Mohamad, *Islamic Philanthropy For Ummah Excellence*. Shah Alam: Ikaz UiTM.
- Arifin Md. Salleh and Mohd Saladin mohd Rasool .(2013). An Alternative Measure of Wellbeing from Shariah Principle. In N. Mohamad, *Islamic Philanthropy For Ummah Excellence* (pp. 1-10). Shah Alam: IKaZ, UiTM.
- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Shariah Journal* 17(1): 113-152.
- Azliza Azrah Mohd Zakaria Rose Ruziana Abd. Samad. 2013. Venture Philanthropy Waqf Model: A Conceptual Study. *Jurnal Pengurusan* (38): 119 – 125.
- Don, A. C. (2013). Peranan Wakaf untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi: Sejarah Silam dan Contoh Pelaksanaan di Malaysia. In N. Mohamad, *Islamic Philanthropy For Ummah Excellence* (pp. 703-710). Shah Alam: IKaZ, UiTM.
- Farahdina & Nursiah Abd.Manaf. 2004. "Peranan harta wakaf Dalam Bidang Pembangunan dan Pendidikan: Fokus Dalam Bidang Perubatan", Koleksi Kertas Sisipan *Seminar Kebangsaan: Peranan Harta Sedekah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Ummah*, pada 13 & 14 Januari, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CiTu) UiTM, 136.
- Al-Muhit Oxford Dictionary. 2003. Oxford: Acedemia
- Hasan Bahrom, A. H. (2013). Kedermawanan: Nilai dan Falsafah. In N. Mohamad, *Islamic Philanthropy For Ummah Excellence* (pp. 657-667). Shah Alam: IKaZ, UiTM.
- Ibrahim, B. and Sherif, D. (eds) .(2008). *From Charity to Social Change: Trends in Arab Philanthropy*, Cairo: American University in Cairo Press.
- Jennifer Bremer .(2004). Islamic PhilanthropyL reviving traditional forms for Building Social Justice. https://www.csidonline.org/documents/pdf/5th_Annual_Conference-Bremer_paper.pdf
- Mariz Tadros IDS, Brighton .(2012). *Islamic Philanthropy, Development and Wellbeing*. <http://www.bellagioinitiative.org/wp-content/uploads/2012/09/Bellagio-Tadros.pdf>

- Al-Nawawi, Yahya bin Sharf al-Din. (1972). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Noorsalwati Hj Sabtu, M. A. (2013). Bantuan Zakat Lembaga Zakat Selangor(LSZ) Biayai Kos Rawatan Hemodialisis Pesakit Buah Pinggang: Tinjauan di Pusat Dialisis MAIS, Selangor. In N. Mohamad, *Islamic Philanthropy For Ummah Excellence* (pp. 657-667). Shah Alam: IKaZ, UiTM.
- Nejatullah Siddiqi, Muhammad. (1996). *Role of the State in the Economy in Islamic Perspective*. Leicester: United Kingdom Islamic Foundation.
- Norajila Binti Che Man, Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid. (2014). Islamic Philanthropy: Important Instruments for Development of the Civilization. *Conference: 2nd World Conference in Islamic Thought and Civilization*.
- Rahisam Ramli and Patmawati Ibrahim (2010). Kaedah Agihan Zakat dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan. Kertas 5Th *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, Port Dickson Negeri Sembilan.
- Samiul Sami Hasan .(2006). Muslim Philanthropy and Social Security: Prospect, Practices and Pitfalls. Paper presented at the 6Th *ISTR Biennial Conference, Bangkok*.
- Samiul Hasan. (2007). *Philantophy and Social Justice in Islam*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen
- Sarah, C. White (2008). But What Is Wellbeing? A Framework For Analysis In Social And Development Policy And Practice. http://staff.bath.ac.uk/ecsscw/But_what_is_Wellbeing.pdf.
- Al-Shafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris. (2001). *al-Umm, Kitab al-Sha'b*. Al-Qahirah: Dar al-Wafa'.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1996). *Role of the State in the Economy in Islamic Perspective*. Leicester: United Kingdom Islamic Foundation.
- Siti Fatimah Abd Rahman. Kurangnya sifat kedermawan. Posted in [Utusan Malaysia](http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/6703-kurangnya-sifat-kedermawan) Dalam <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/6703-kurangnya-sifat-kedermawan>.
- Sohih Al Bukhari* ,Kitab Tauhid , bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah, no hadis 7372,ms 4/378
- Sohih Muslim*, Kitab Al Iman, bab dakwah kepada dua syahadah dan syariat Islam, no hadis: 29, ms 1/50
- Al-Tarmidhi, *Sunan al-Tarmidhi*, Kitab al-Manaqib, No. Hadith 3703.
- R.L.Payton & M.P Moody . (1998). *Understanding Philantrophy and Its Mission*.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2005). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Cet. Ke-8. Dimashq: Dar al-Fikr.